



NOTIS IKLAN TENDER


1. Tender adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan / kerja berikut:

No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Kategori, Kepala & Sub-Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Pengambilan /Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
JMS/TD/2/2026	Membekal Dan Menghantar Alat Tulis Dan Bekalan Pejabat Untuk Jabatan Muzium Sarawak Bagi Tahun 2026/2027	Kelas: B Kepala: VIII Sub-Kepala: 3(b),3(c) Keutamaan diberikan kepada pembekal tempatan	50.00	08.09.2026	09.09.2026/ 12.00 tengahari

2. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen tender dijual kepada Pembekal / Kontraktor yang layak.
3. Bayaran Yuran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank, Kiriman Wang Pos (Money Order), SPay** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** yang dibayar atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak**.
4. Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **10.08.2026 hingga 08.09.2026** pada waktu pejabat di alamat **Jabatan Muzium Sarawak, Bangunan Annex, Jalan P. Ramlee, 93400 Kuching, Sarawak**.
5. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik/ Wakil Syarikat/ Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Tender**. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi
Lembaga Tender Negeri Peringkat Bahagian Kuching
d/a PEJABAT RESIDEN BAHAGIAN KUCHING
Aras 7, MAJMA Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah,
Lorong P. Ramlee 5, Off Jalan P.Ramlee,
93400 Kuching, Sarawak.

6. **Pembelian Dokumen Tender** hendaklah **melalui temujanji** dengan Puan Siti Muzziana Binti Mustafa/ Puan Siti Zafirah Binti Noden Nawang di talian 082-548181 sambungan 320 atau e-mel di stmuzz@sarawak.gov.my / szafirahnw@sarawak.gov.my (Ibu Pejabat Jabatan Muzium Sarawak, Kuching).
7. Dokumen Tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.



(ANIELIA ANAK SIAM)

Pengarah
Jabatan Muzium Sarawak

Tarikh : 07 Ogos 2026

Ruj : JMS/(S)/400-19/3/JLD.1(25)